

Ruj kami : AKKM:1/7/3Jld.5 (58)

Tarikh : 12 November 2024

Kepada semua  
Koperasi / Organisasi Pelanggan  
Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

PEKELILING KOPERASI BILANGAN: 05/2024.

**PENGHANTARAN BORANG KEBENARAN POTONGAN GAJI BPA 1/79 & 2/79 DAN SALINAN PENYATA GAJI DENGAN CETAKAN QR KOD**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bermula 1 Januari 2025, semua penghantaran Borang Kebenaran Potongan Gaji BPA 1/79 & 2/79 bagi penjawat awam yang berkhidmat di bawah Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) adalah wajib dilampirkan bersama salinan penyata gaji terkini yang mengandungi cetakan QR kod.

3. Langkah ini diambil bagi memastikan bahawa potongan gaji yang dilakukan tidak melebihi had maksimum 60% daripada jumlah gaji bulanan seperti yang telah ditetapkan. Penyediaan penyata gaji dengan QR kod membolehkan pemprosesan yang lebih tepat dan pantas, serta memastikan kesahihan dan ketelusan dalam pengiraan had potongan.

4. Sila pastikan semua borang yang dihantar adalah lengkap dengan lampiran yang diperlukan bagi melancarkan kerja memproses dan kemaskini borang berkenaan. Sebarang pertanyaan, boleh hubungi di alamat emel [potongan@angkasa.coop](mailto:potongan@angkasa.coop).

Sekian, terima kasih.

“SADIK, AMANAH, TELUS”

Yang benar,



**MOHAMAD DARULNIZAM BIN MAT DARUS**

Pengurus Besar

Bahagian Perkhidmatan Kredit & Kewangan

ANGKASA

Fail: WMA/slpgaji QRcode 2025

